

# Kertas Bil. 91/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PEJABAT TANAH  
DAN DAERAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERHUBUNG ISU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI  
TUJUAN PAPAN IKLAN  
KERTAS BILANGAN 44/2015**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BERHUBUNG ISU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN PAPAN IKLAN YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS – 20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Saranan Sokongan
44	<p><b>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BERHUBUNG ISU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN PAPAN IKLAN</b></p>	<p><u>Saranan Keseluruhan</u></p> <p>1. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengkaji pertambahan kakitangan di unit yang terlibat dengan pemrosesan TOL di PDT terutamanya PDT Petaling memandangkan jumlah permohonan TOL yang tinggi bagi tujuan papan iklan dan juga pembinaan pondok pengawal keselamatan bagi kawasan-kawasan kejiranan berpagar (<i>Gated &amp; Guarded</i>).</p>		√	<p>1. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) mengambil maklum mengenai permohonan TOL yang tinggi, terutamanya di PDT Petaling. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa tiada sebarang pertambahan jawatan tetap dalam mana-mana Jabatan Kerajaan. Sehubungan itu, tindakan penyusunan semula perjawatan di Bahagian yang kritikal sedang dilaksanakan oleh setiap PDT di samping menambahkan baik proses kerja (SOP) bagi mempercepatkan semua permohonan TOL di setiap daerah.</p>

7

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)  
BERHUBUNG ISU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN PAPAN IKLAN YANG  
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI  
SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS – 20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Saranan Sokongan
		<p>2. Jawatankuasa juga mencadangkan Kerajaan Negeri dapat mempercepat penubuhan Jawatankuasa Tanah Daerah seperti mana yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa di dalam Penyata Jawatankuasa ini (Kertas Mesyuarat Bil./2014) di mana semua urusan dan transaksi berkaitan permohonan tanah dan TOL dapat dipantau oleh wakil-wakil rakyat. Hal ini dilihat mampu untuk mempercepatkan proses-proses permohonan tersebut sekali gus mampu meningkatkan hasil dan juga mengelakkan daripada tindakan undang-undang diambil oleh pihak-pihak berkepentingan disebabkan kelewatan permohonan.</p>		√	<p>2. Bagi memastikan permohonan tanah dan TOL diproses segera, Pihak Berkuasa Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah sejak tahun 2008. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil semua Jabatan Teknikal seperti PBT, JPPB, Jabatan Pertanian, JPS, JKR dan lain-lain jabatan yan berkaitan.</p>

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BERHUBUNG ISU LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) BAGI TUJUAN PAPAN IKLAN YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS – 20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Saranan Sokongan
		<p>3. Jawatankuasa juga menyarankan pihak Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula polisi berkenaan papan iklan atau <i>billboard</i> dengan mengambil kira pandangan serta cadangan PBT, pengusaha serta masyarakat setempat supaya satu kata sepakat yang adil bagi semua pihak dapat dicapai.</p>	√		<p>3. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Bengkel Penyediaan <i>Template</i> Perjanjian Perkongsian TOL <i>Billboard</i> Dan Penambahbaikan Garis Panduan Papan Iklan Termasuk <i>Billboard</i> Elektronik di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor pada 9-11 September 2015. Hasil maklumbalas daripada bengkel tersebut akan dibentangkan oleh pihak UPEN di Mesyuarat MMKN dalam tempoh yang terdekat.</p>

